

SULIT



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015**

**1249/1**

**SEJARAH**

**Kertas 1**

**Nov./Dis.**

1 jam

**Satu jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah]

**1249/1** © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia



**more examination papers at :  
[www.myschoolchildren.com](http://www.myschoolchildren.com)**

- 1 Bagaimakah ciri kehidupan bandar yang bertamadun menurut pandangan cendekiawan Islam?
- A Kebebasan mengamalkan sebarang agama  
B Kemajuan pesat dalam bidang ekonomi  
C Kesejahteraan semua lapisan rakyat  
D Ketinggian tatasusila masyarakat
- 2 Masyarakat dalam Tamadun Indus (2000 Sebelum Masihi) berjaya membina bandar terancang tertua di dunia.  
Kemampuan masyarakat dalam tamadun tersebut membina bandar terancang adalah disebabkan oleh
- I amalan sikap terbuka  
II pertembungan dengan budaya lain  
III perluasan wilayah pemerintahan  
IV kejayaan kegiatan penjelajahan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 3 Masyarakat Athens mementingkan sukan, seni berpidato dan kesusastraan dalam sistem pendidikan.  
Mengapa bidang tersebut penting?
- A Memudahkan mobiliti sosial  
B Membina watak kepemimpinan  
C Melahirkan rakyat yang seimbang  
D Memperkuat jati diri masyarakat
- 4 Bagaimakah kedudukan seorang raja di India diperkuuhkan?
- A Penggunaan gelaran maharaja  
B Pelantikan golongan Ksyatria  
C Pengamalan upacara keagamaan  
D Pengiktirafan golongan Brahmin


5 Dalam kerajaan awal di Asia Tenggara, raja dikaitkan dengan konsep berikut.

- Dewa raja
- Order kosmos

Mengapakah konsep tersebut dikaitkan dengan raja?

- A Mengelakkan pemerintahan yang adil
- B Memantapkan adat istiadat di istana
- C Mempelbagai upacara keagamaan
- D Memantapkan kuasa pemerintah

6 Gambar 1 ialah Gunung Jerai di Kedah.



Gambar 1

Apakah kepentingan gunung tersebut kepada kemajuan kerajaan Kedah Tua?

- A Memudahkan kedatangan pedagang
- B Simbol penguasaan alam semesta
- C Lambang kekuatan pemerintah
- D Benteng pertahanan negeri

- 7 Dialog berikut mungkin berlaku dalam kalangan pemimpin musyrikin Quraisy di Makkah pada Zaman Jahiliah.

Pemimpin 1 : Kita perlu menentang Muhammad habis-habisan kerana dia menggugat kedudukan kita.

Pemimpin 2 : Ya, tambahan pula ajarannya bertentangan dengan amalan nenek moyang kita.

Apakah kesan dialog tersebut terhadap Nabi Muhammad SAW?

- A Penyebaran Islam tersekat  
B Perjanjian damai dimeterai  
C Penghijrahan baginda ke Habsyah  
D Pemulauan terhadap keluarga baginda
- 8 Pada peringkat awal penyebaran Islam di Makkah, golongan hamba adalah golongan yang mula-mula tertarik kepada ajaran Islam.

Mengapa mereka tertarik kepada ajaran Islam?


- A Mempertahankan prinsip kesamarataan  
B Mendapat galakan daripada keluarga  
C Diberikan jaminan keselamatan  
D Peka terhadap perubahan

- 9 Apakah peristiwa yang dapat dikaitkan dengan maklumat berikut?

- Menyediakan tempat tinggal
- Menjanjikan keselamatan
- Kesediaan mempertahankan Islam

- A Perjanjian Hudaibiyah  
B Perjanjian Aqabah  
C Baiah al-Ridwan  
D Majlis Tahkim

10 Rajah 1 berkaitan dengan rentetan peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW.



Rajah 1

Apakah X?

- A Bersetuju memeterai Perjanjian Aqabah
- B Sepakat membina masjid al-Nabawi
- C Muafakat dengan golongan Ansar
- D Bersembunyi di Gua Thur


11 Bagaimanakah Khalifah Uthman bin Affan berjaya meluaskan wilayah Islam?

- A Semangat jihad dipupuk
- B Armada laut diperkujuh
- C Perkahwinan politik digalakkan
- D Perjanjian dengan pemimpin tempatan

12 Bagaimanakah Khalifah Umar bin Al-Khattab mengawal hakim daripada melakukan penyelewengan?

- A Mewujudkan peraturan yang tegas
- B Memberikan gaji setiap bulan
- C Melantik pegawai risikan
- D Membuat pemantauan

13 Rajah 2 menunjukkan perubahan yang berlaku dalam sistem pemerintahan di Asia Tenggara selepas kedatangan Islam.



Rajah 2

Apakah X?


- A Kesultanan
- B Demokrasi
- C Aristokrasi
- D Republik

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

14 Apakah yang berkaitan dengan tokoh dalam senarai berikut?

- John Crawford
- Snouck Hurgronje
- Emanuel Gadinho Eredia

- A Melaksanakan pentadbiran Barat  
B Memperkenalkan ilmu matematik  
C Menterjemahkan karya falsafah Arab  
D Membincangkan teori kedatangan Islam
- 15 Rajah 3 menunjukkan perubahan motif dalam seni ukiran masyarakat Melayu.



- Mengapa perubahan tersebut berlaku?
- A Pengaruh ajaran Islam  
B Pengaruh Hindu-Buddha  
C Pengaruh kepercayaan animisme  
D Pengaruh sistem adat tradisional
- 16 Apakah sumbangan tokoh berikut terhadap pendidikan formal di Tanah Melayu sebelum penjajah Barat?

- Tuk Pulai Chondong
- Tok Ku Paloh

- A Melancarkan sistem madrasah  
B Menyeragamkan sukanan pelajaran  
C Memperkuat sistem pendidikan pondok  
D Mengasaskan pendidikan untuk kaum wanita

- 17 Akta Antipenggabungan (Anti-Combination Act) diperkenalkan di Britain pada peringkat awal Revolusi Perindustrian.

Akta tersebut menyebabkan

- A buruh asing dilarang bekerja
- B gaji pekerja tidak meningkat
- C harga barang berkurangan
- D wanita dilarang bekerja di kilang

- 18 Dialog berikut menggambarkan situasi di Eropah pada abad ke-16.

Becker : Saya banyak dosa. Bolehkah saya menebus dosa saya?

Jacob : Boleh. Beli saja surat pengampunan daripada gereja.

Mengapakah Martin Luther menentang amalan penganut Kristian seperti dalam dialog di atas?

- A Ajaran agama diseleweng
- B Kadar jenayah meningkat
- C Rakyat jelata tertindas
- D Kuasa raja tercabar

- 19 Pemodal dari Eropah dan China menguasai pertanian komersial di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British.

Mengapakah keadaan tersebut berlaku?

- A Menguasai kumpulan kongsi gelap
- B Mendapat bantuan pembesar tempatan
- C Menguasai pasaran tenaga kerja tempatan
- D Mendapat konsesi tanah daripada kerajaan

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

- 20 Jadual 1 berkaitan dengan dasar British dalam perusahaan tanaman getah di Tanah Melayu.

Tahun	Dasar British
1920	Rancangan Sekatan Stevenson diperkenalkan

Jadual 1

Mengapakah dasar tersebut diperkenalkan?

- A Menstabilkan harga
  - B Mengurangkan import
  - C Meningkatkan pengeluaran
  - D Menyekat kegiatan orang tengah
- 21 Gambar 2 menunjukkan seorang pembesar Mandarin di Vietnam.




Gambar 2

Bagaimanakah pembesar tersebut dilantik?

- A Keputusan pembesar tradisional
- B Pemilihan oleh rakyat
- C Pelantikan oleh penjajah
- D Melalui sistem peperiksaan

- 22 Peta 1 menunjukkan wilayah yang dikuasai oleh imperialis Barat di Asia Tenggara pada tahun 1914.



Peta 1

Apakah keistimewaan wilayah tersebut?

- A Politik stabil  
B Pentadbiran mantap  
C Banyak bahan mentah  
D Mata wang sistematik
- 23 Antara yang berikut, yang manakah mencetuskan semangat nasionalisme di Asia Tenggara?
- A Perang Rusia-Jepun  
B Perang Dingin di Eropah  
C Perjuangan golongan Luddite  
D Perjuangan Parti Komunis Malaya

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

24 Senarai berikut adalah tokoh luar negara yang mempengaruhi Gerakan Islah di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

- Syeikh Muhammad Abdurrahman
- Sayyid Jamaluddin al-Afghani

Apakah bukti yang menunjukkan mereka berpengaruh?

A Kekuahan perpaduan pelbagai kaum  
B Kemunculan semangat kebangsaan  
C Perluasan penggunaan tulisan jawi  
D Perkembangan kegiatan kesenian

25 Apakah tindakan J.W.W. Birch yang menyebabkan orang Melayu bangkit menentang British di Pasir Salak, Perak?

- A Larangan mengutip hasil hutan
- B Menghalang kemasukan imigran
- C Campur tangan dalam pentadbiran
- D Mengambil alih aktiviti perlombongan

26 Negara dan bangsa Malaysia lahir apabila Persekutuan Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957 dan pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

Apakah faktor yang menjayakan kemerdekaan dan pembentukan Malaysia?

- I Desakan kumpulan radikal
  - II Pemimpin dan rakyat bermuafakat
  - III Semangat toleransi menjadi amalan
  - IV Penduduk terdiri daripada pelbagai kaum
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

27 Negara bangsa Jerman dan Itali dibentuk pada abad ke-19.

Apakah persamaan pembentukan kedua-dua negara bangsa tersebut?

- A Mengekalkan sistem monarki
- B Menggunakan kaedah realpolitik
- C Mengamalkan prinsip demokrasi
- D Menguatkuasakan falsafah legalisme

**28** Persidangan Damai Paris telah menghasilkan Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson.

Apakah perkara yang terkandung dalam deklarasi tersebut?

- A Sistem monarki dipulihkan
- B Amalan realpolitik diharamkan
- C Rakyat disatukan berdasarkan agama
- D Sempadan negara ditentukan berdasarkan bangsa

**29** Pertubuhan berikut menyokong pembentukan Malayan Union pada tahun 1946.

- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
- Angkatan Pemuda Insaf (API)
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)

Mengapakah pertubuhan tersebut bertindak demikian?

- A Mengkalkan sistem beraja
- B Melicinkan sistem pentadbiran
- C Mempertahankan hak penduduk tempatan
- D Mengukuhkan pemerintahan tradisional

**30** Pantun berikut menggambarkan kesan pembentukan Malayan Union di Tanah Melayu.

Dari Bentan ke Kuala Sedili  
Singgah berjaya di Batu Pahat  
Syarat kerakyatan secara jus soli  
Kuasa raja turut tergugat

Apakah tindakan orang Melayu?

- A Memohon bantuan luar
- B Mengukuhkan pertahanan negeri
- C Menggubal perlembagaan alternatif
- D Mengadakan demonstrasi secara aman

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

31 Gambar 3 berkaitan dengan Rundingan London yang diadakan pada tahun 1956.




Gambar 3

Apakah keputusan yang dicapai dalam rundingan tersebut?

- A Pembentukan Jawatankuasa Antara Kaum
  - B Kelonggaran syarat mendapatkan kerakyatan
  - C Penubuhan suruhanjaya bebas mengkaji perlembagaan
  - D Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan
- 32 Konvensyen Kebangsaan dianjurkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1953. Apakah hasil konvensyen tersebut?
- A Pelaksanaan pilihan raya Majlis Perbandaran
  - B Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya
  - C Pelantikan Jawatankuasa Pilihan Raya
  - D Pembentukan Parti Perikatan

33 Rajah 4 adalah garis masa menunjukkan proses pembentukan Persekutuan Malaysia.



Rajah 4

Apakah X?

- A Majlis Perundangan Persekutuan
- B Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Jawatankuasa Eksekutif
- D Suruhanjaya Reid

34 Mengapa parti politik berikut menentang penyertaan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia pada peringkat awal?

- Sarawak Chinese Association
- Parti Pesaka Anak Sarawak

- A Bimbang ancaman komunis
- B Tekanan daripada Indonesia
- C Ingin merdeka terlebih dahulu
- D Menyokong Persekutuan Borneo

35 Bagaimanakah Suruhanjaya Pilihan Raya bertindak memastikan pilihan raya yang diadakan di Malaysia adil dan telus?

- A Menyediakan jadual waktu berkempen bagi calon
- B Menetapkan manifesto parti politik yang bertanding
- C Membenarkan pengundi berdaftar sahaja layak mengundi
- D Melarang pemerhati dari negara luar memantau pengundian

[Lihat halaman sebelah

**SULIT**

**36** Maklumat berikut berkaitan dengan pilihan raya di Malaysia.

Tarikh	Peristiwa
16 Januari 2007	Suruhanjaya Pilihan Raya telah menetapkan tarikh mengundi bagi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Batu Talam, Raub, Pahang.

Mengapa pilihan raya kecil tersebut diadakan?

- A Pembubaran rasmi parlimen
  - B Wakil rakyat meninggal dunia
  - C Persempadan semula kawasan
  - D Pertambahan bilangan penduduk
- 37** Sistem persekolahan aneka jurusan telah diperkenalkan pada tahun 1965.

Mengapa sistem persekolahan tersebut diperkenalkan?

- A Melahirkan tenaga kerja mahir
  - B Mengurangkan sekolah vernakular
  - C Memendekkan tempoh pembelajaran
  - D Menempatkan murid kelainan upaya
- 38** Dasar Penswastaan dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Apakah matlamat dasar tersebut?

- I Mengimbangi pemilikan harta antara kaum
  - II Mengurangkan beban kewangan kerajaan
  - III Meningkatkan kemajuan ekonomi
  - IV Memperhebat pembukaan tanah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

39 Selepas merdeka, Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan negara berikut.

- Britain
- Australia
- New Zealand

Mengapakah perjanjian tersebut ditandatangani?

- A Memperkuat pertahanan  
B Menambah aset ketenteraan  
C Mengelakkan hubungan diplomatik  
D Menggalakkan kemasukan pelabur asing
- 40 Petikan berikut berkaitan dengan Perang Dunia Kedua.

Pada 1 September 1939, Hitler (Jerman) mara ke sempadan Poland. Dua hari kemudiannya, setelah mendesak agar Hitler berundur, Britain dan Perancis menyertai perang.

Sumber : B.H. Liddell Hart *History of the Second World War*, Da Capo Press 1999.

Apakah alasan Britain dan Perancis menyertai perang tersebut?

- A Menguji kekuatan senjata  
B Mempertahankan keselamatan  
C Merampas kembali wilayah  
D Menyekat pengaruh komunis

#### KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT

**NO. KAD PENGENALAN**

ANGKA GILIRAN



**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

1249/2

SEJARAH

## Kertas 2

Nov./Dis.

$2\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

## **JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.
  2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
  3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B**.
  4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
  5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh Pengawas Peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas Peperiksaan.
  6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat buku jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
  7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
<b>Jumlah</b>		100	

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.

**1249/2** © 2015 Hak Cipta Kerajaan Malaysia


[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

**Bahagian A**

[40 markah]

*Jawab semua soalan.*

- 1 Soalan 1 berdasarkan Peta 1.



Peta 1

- (a) Namakan kerajaan agraria yang bertanda:

X .....

Y .....

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** kegiatan ekonomi kerajaan tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(c) Apakah faktor yang mempengaruhi kegiatan ekonomi kerajaan tersebut?  
Berikan penjelasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....


[3 markah]

(d) Jelaskan sumbangan kerajaan agraria kepada tamadun awal di Asia Tenggara.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- 2 Peta 2 menunjukkan arah pelayaran Ferdinand Magellan dan anak kapalnya pada abad ke-16.



Peta 2

- (a) Apakah matlamat Ferdinand Magellan belayar mengelilingi dunia?
- (i) .....
- (ii) .....

[2 markah]

- (b) Jelaskan faktor kejayaan pelayaran tersebut.

.....

.....

[2 markah]

- (c) Mengapa pelayaran itu penting kepada Sepanyol?

Berikan alasan anda.

.....

.....

.....

[3 markah]

(d) Adakah pelayaran tersebut menjelaskan masyarakat di luar Eropah?

Kemukakan alasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

3 Pakatan murni telah terbentuk sejak sebelum pembentukan Parti Perikatan.

(a) Jelaskan maksud pakatan murni.

.....  
.....

[2 markah]

(b) Terangkan usaha yang telah dibuat untuk menjayakan pakatan murni sebelum merdeka.

.....  
.....

[2 markah]

(c) Huraikan faktor kejayaan pakatan murni sebelum merdeka.

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(d) Mengapakah pakatan murni penting dalam pembentukan negara dan bangsa Malaysia yang berdaulat?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

4 Perlembagaan merupakan satu daripada ciri penting dalam sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia.

(a) Apakah maksud Perlembagaan?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Berikan **dua** contoh peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia.

.....

.....

[2 markah]

(c) Keluhuran Perlembagaan adalah prinsip ketiga rukun negara.

Huraikan prinsip tersebut.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(d) Mengapa Perlembagaan penting kepada negara?

.....

.....

.....

[3 markah]

Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

HALAMAN KOSONG


**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini.*

- 5 Proses perluasan kuasa menyebabkan muncul beberapa empayar seperti Maurya dan Gupta di India, empayar Chin dan Han di China dan empayar Rom di Eropah.  
Sumber : Farmer, "Comparative History of Civilisations".

- (a) Bagaimanakah perluasan kuasa dilakukan oleh tamadun tersebut? [6 markah]
- (b) Kawasan berlorek dalam Peta 3 adalah wilayah empayar Yunani semasa pemerintahan Alexander the Great.



Peta 3

Mengapakah kawasan tersebut menjadi sasaran perluasan kuasa Yunani?

Gunakan maklumat daripada peta dan pengetahuan anda. [8 markah]

- (c) Adakah perluasan kuasa masih berlaku pada abad ke-21 ini?  
Berikan pendapat dan hujah anda. [6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

6 Peristiwa Hijrah merupakan peristiwa penting dalam perjuangan Nabi Muhammad SAW dan perkembangan Islam.

- (a) Jelaskan konsep hijrah. [4 markah]
- (b) Mengapa Nabi Muhammad SAW dan umat Islam berhijrah? [6 markah]
- (c) (i) Hijrah menjadi titik tolak kepada pembentukan negara Islam Madinah. Jelaskan pernyataan tersebut. [6 markah]
- (ii) Berikut adalah lirik lagu nasyid sempena majlis sambutan Maal Hijrah di Malaysia.

Hijrah itu pengorbanan  
Hijrah itu perjuangan  
Hijrah itu persaudaraan  
Hijrah membentuk perpaduan

Ulaskan maksud lirik lagu tersebut. [4 markah]

7 Jadual berikut berkaitan dengan teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Teori	Tokoh
Islam dari Semenanjung Tanah Arab	John Crawford dan Professor Syed Muhammad Naquib al-Attas
Islam dari China	Emanuel Gadinho Eredia dan S.Q. Fatimi
Islam dari India	Snouck Hurgronje

(a) Berdasarkan jadual tersebut dan pengetahuan anda, jelaskan tentang teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara. [8 markah]

(b) Teori manakah yang paling tepat dalam menghuraikan kedatangan Islam ke Asia Tenggara?

Beri hujah anda. [6 markah]

(c) Sejauh manakah perubahan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat di Asia Tenggara selepas kedatangan Islam? [6 markah]

- 8** (a) Terangkan ciri-ciri ekonomi tradisional masyarakat Melayu pada zaman penjajah. [6 markah]
- (b) Mengapakah British mengabaikan ekonomi tradisional? [6 markah]
- (c) (i) Jelaskan ciri-ciri ekonomi dagangan. [4 markah]
- (ii) Mengapakah British memberi tumpuan kepada kegiatan ekonomi dagangan? [4 markah]

**9** Akhbar berikut mula diterbitkan pada tahun 1930an.

- Warta Malaya
- Utusan Melayu
- Fajar Sarawak
- Lembaga Malaya
- Warta Negara

- (a) Apakah isu yang dibangkitkan oleh akhbar tersebut pada ketika itu?  
Beri penjelasan anda. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah isu yang dibangkitkan oleh akhbar tersebut dapat menyemarakkan semangat nasionalisme dalam kalangan orang Melayu? [6 markah]
- (c) Akhbar berikut berada di pasaran masa kini.

- Utusan Malaysia
- Berita Harian
- Kosmo
- Metro

- (i) Apakah isu yang dibangkitkan oleh akhbar tersebut? [4 markah]  
Beri penjelasan anda.
- (ii) Beri cadangan anda untuk meningkatkan peranan akhbar dalam memajukan masyarakat. [6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

10 Sumber 1 dan 2 berkaitan dengan sistem pendidikan di Malaysia.

**Sistem Pendidikan pada Zaman Penjajah**

- Sekolah Vernakular Melayu
- Pendidikan Inggeris
- Sekolah Vernakular Cina
- Sekolah Vernakular Tamil

Sumber 1

**Falsafah Pendidikan Kebangsaan**

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.


Sumber 2

- (a) Berdasarkan Sumber 1, jelaskan tentang sistem pendidikan di negara kita sebelum merdeka. [8 markah]
- (b) Mengapakah sistem pendidikan dalam Sumber 1 wujud pada zaman penjajah? [6 markah]
- (c) Teliti Sumber 2.

Bagaimanakah Falsafah Pendidikan Kebangsaan dapat merealisasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020? [6 markah]

11 Perang Dunia Kedua berlaku dari tahun 1939-1945.

- (a) Mengapakah perang tersebut berlaku? [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan perang tersebut terhadap keamanan dunia. [8 markah]
- (c) Gambar berikut menunjukkan senjata canggih yang digunakan dalam perang pada abad ini.



Berdasarkan perkembangan teknologi persenjataan masa kini, ramalkan masa depan dunia. [6 markah]

#### KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2015

1249/3

## SEJARAH

Kertas 3

Nov./Dis.

3 jam

Tiga jam

---

### JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi satu Tugasan Spesifik.*
2. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang di dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas Peperiksaan.*
3. *Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.*
4. *Calon dibenarkan membawa masuk dokumen seperti buku teks, bahan bacaan ilmiah, nota bertulis atau bahan fotostat dan bahan bercetak ke dalam dewan/bilik peperiksaan.*
5. *Calon tidak dibenarkan sama sekali membawa alat atau peranti elektronik ke dalam dewan/bilik peperiksaan.*
6. *Calon hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.*
7. *Calon dinasihati supaya membuat perancangan masa yang bersesuaian dengan peruntukan markah yang diberikan.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

---

Tugasan ini mengandungi 2 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.



1 2 4 9 / 3 - 1

**TUGASAN SPESIFIK**

Nasionalisme di Malaysia berakar umbi daripada gerakan penentangan pemimpin tempatan terhadap campur tangan British dalam urusan pentadbiran negeri-negeri di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Bincangkan pernyataan tersebut berdasarkan kerangka di bawah:

<b>Aspek</b>	<b>Perincian</b>	<b>Markah</b>
Pengenalan	1. Penentangan dan nasionalisme	5 markah
Isi dan Huraian	2. Sebab pemimpin tempatan menentang British	10 markah
	3. Penentangan pemimpin tempatan terhadap British: a) Haji Abdul Rahman Limpong b) Rentap c) Mat Salleh d) Dato Maharaja Lela e) Yam Tuan Antah	5 markah 5 markah 5 markah 5 markah 5 markah
	4. Faktor pemangkin nasionalisme	20 markah
	5. Hubungkait gerakan penentangan dengan gerakan nasionalisme	10 markah
	6. Kepentingan semangat nasionalisme	10 markah
	7. Semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia masa kini	10 markah
	8. Iktibar yang diperoleh berdasarkan tajuk yang dikaji	5 markah
Kesimpulan	9. Membuat kesimpulan keseluruhan isi yang telah dibincangkan: • Pengetahuan yang diperoleh • Nilai-nilai murni dan patriotisme yang diperoleh ke arah kemajuan negara dan bangsa Malaysia • Harapan menjadikan bangsa dan negara Malaysia cemerlang dan terbilang	5 markah

**KERTAS SOALAN TAMAT**